

Gerai Utusan tumpuan Pesta Konvo USIM

SEREMBAN 27 Nov. - Gerai Kumpulan Utusan dijangka menjadi tumpuan pengunjung ke Pesta Konvo kesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke-11 di Nilai dekat sini yang bermula esok.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di tapak pesta itu hari ini mendapati persiapan untuk 10 buah gerai yang diperuntukkan oleh USIM berjalan lancar dengan tema 'Kurma dan Susu Kambing' bagi memartabatkan makanan Rasulullah.

Eksekutif Kreatif Unit Pengurusan Jenama Utusan, Mohd. Khairul Rahman berkata, seramai 20,000 pengunjung dijangka membanjiri pesta konvo yang berlangsung mulai esok hingga Ahad ini.

"Antara aktiviti menarik yang disediakan di gerai Utusan ialah Mini Studio Penghias Wajah, Karikatur oleh Olly, jualan buku-buku Utusan Publication & Distribution (UP&D) dan permainan paintball.

"Selain itu, pengunjung berpe-

Pesta
KONVO
Utusan Mingguan USIM
kali ke-11, 2013

luang mendapatkan akses percuma e-Paper *Utusan Malaysia* selama 30 hari yang boleh dibaca melalui platform iPad dan Android," katanya.

Sehingga kini ujanya, penyer-taan pertandingan memancing masih terbuka kepada orang ramai untuk pendaftaran dan boleh dibuat di gerai Kumpulan Utusan di tapak Pesta Konvo USIM.

"Setiap penyertaan akan dikenakan yuran sebanyak RM30 bagi satu joran dan 250 peserta terawal berdaftar akan menerima kemeja-T pertandingan. Pertandingan tersebut akan bermula pukul 8 pagi di tasik universiti berkenaan pada Sa-

btu ini," katanya.

Jelasnya, pada tahun ini terdapat kelainan yang dibawa oleh pihak USIM antaranya gerai Santai Selebriti yang menjemput Ustaz Kazim Elias, Adam AF, Heliza, Amir Idris dan Yatt Hamzah bagi memeriahkan pesta itu, sekali gus para pengunjung dapat beramah mesra dengan mereka.

Sehubungan itu, katanya, orang ramai dijemput ke Pesta Konvo USIM tersebut terutama gerai jualan Kumpulan Utusan bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam untuk menyertai pelbagai aktiviti dan memenangi hadiah menarik.

"Selain gerai Kumpulan Utusan, terdapat 70 buah gerai lain yang menjual pelbagai jenis produk termasuk gerai karnival siswa dan pameran keusahawan.

"Di samping itu, pihak kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada penaja kami iaitu Nescafe, Maggi, 100 Plus dan Adabi," katanya.



KERJA-KERJA persiapan Pesta Konvo kesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) giat dijalankan di Seremban, semalam. - UTUSAN/MD. SHAHJEHAN MAAMIN